



KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
DIRECTOR GENERAL OF HEALTH MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia,
Aras 12, Blok E7, Parcel E,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62590 Putrajaya

Tel :603-88832545
Faks :603-88895542
E-mail:ismailmerican@moh.gov.my

KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA PANDEMIK INFLUENZA A(H1N1)
DAN TINDAKAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

28 Jun 2009

Sehingga 28 Jun 2009 jam 8.00 pagi pagi terdapat 12 kes baru Influenza A (H1N1) telah dilaporkan di Malaysia yang terdiri daripada 11 kes import dan 1 kes jangkitan tempatan. Ini menjadikan jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) di Malaysia sehingga 28 Jun 2009 adalah berjumlah 124 kes yang terdiri daripada 106 kes import dan 18 kes jangkitan tempatan. Tiada kematian dilaporkan.

Maklumat berkaitan 12 kes baru yang dilaporkan adalah melibatkan 7 kes warganegara Malaysia dan 5 warga asing (Indonesia(3), Amerika Syarikat(2)) . Daripada 11 kes import, mereka telah memberikan sejarah melawat negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1), iaitu Melbourne (4), Jakarta (4), USA(2) dan London (1). Satu (1) kes jangkitan tempatan melibatkan kes warga tempatan di mana kes indeksinya adalah kes no 86.

Berikut adalah maklumat utama kepada 8 kes yang dilaporkan pada hari ini.

1. Kes 113, seorang pelajar perempuan warga Indonesia berumur 11 tahun yang belajar di Jakarta, Indonesia. Beliau telah balik bercuti melawat keluarga dan kembali ke Malaysia melalui Singapura menaiki Sri Wijaya Air, SJ 104 (tempat duduk 1B) bersama bapanya (tempat duduk 1A) tiba jam 10 pagi 25 Jun 2009 dan terus ke rumahnya di Johor Bahru. Beliau mengalami demam dan selsema semasa di rumah pada malam 25 Jun 2009 dan mendapatkan rawatan di Hospital Sultanah Aminah pada 26 Jun 2009 dan beliau disahkan positif pada 27 Jun 2009. Empat(4) kontak di rumah termasuk bapanya telah dikenalpasti, sedang di kuarantin di rumah, diberikan profilaksis antivirus dan tiada simptom. Dua(2) kontak iaitu ahli saudara kes di Singapura telah dimaklumkan kepada pihak kesihatan di Singapura untuk tindakan lanjut. Penumpang pesawat SJ 104 sedang dalam proses pengesanan.
2. Kes 114, seorang kanak-kanak lelaki berumur 15 bulan, warga Malaysia, anak kepada kes 86 yang telah melawat Phuket. Beliau tidak mempunyai sejarah perjalanan ke luar negara, telah diletakkan di bawah kuarantin di rumah. Beliau telah mengalami gejala demam dan batuk pada 25 Jun 2009 dan terus dimasukkan ke Hospital Sultanah Bahiyah pada hari yang sama untuk penyiasatan. Beliau telah disahkan dijangkiti influenza A(H1N1) pada 26 Jun 2009 sebagai **kes tempatan ke 17**. Pada masa ini beliau dalam keadaan stabil dan sedang diberi rawatan antiviral. 6 kontak ahli keluarga di rumah telah dikenal pasti, sedang di kuarantin, diberikan profilaksis antivirus dan dalam keadaan sihat.

3. Kes 115, ialah seorang pelajar perempuan warga Malaysia berusia 22 tahun yang belajar di Melbourne, Australia. Beliau balik menggunakan penerbangan Air Asia D7 2723 (tempat duduk 44H) dan tiba di LCCT, Sepang pada 24 Jun 2009 jam 7.00 pagi. Semasa sampai di LCCT, Sepang beliau tiada simptom tetapi pada malamnya kes mula mengalami demam, batuk, sakit tekak dan otot. Keesokan harinya beliau telah mendapatkan rawatan di Hospital Sungai Buloh dan setelah disiasat beliau dikuarantin dirumah. Kes disahkan positif influenza A(H1N1) pada 27 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Sungai Buloh. Pesakit telah dimulakan rawatan anti-viral dan dalam keadaan stabil. Seramai 4 orang ahli keluarganya telah diletakkan di bawah kuarantin dan sihat. Penumpang yang menaiki pesawat yang sama sedang disiasat.

4. Kes 116, seorang lelaki warga Malaysia berusia 22 tahun. Beliau telah tiba di LCCT, Sepang dari Melbourne pada 22 Jun 2009 jam 4.30 petang, menaiki penerbangan Air Asia D7 2725 (tempat duduk 8D) dan terus balik ke rumah. Beliau mula menunjukkan gejala demam dan batuk pada 26 Jun 2009 dan telah mendapatkan rawatan di Hospital Tuanku Jaafar, Seremban pada 26 Jun 2009. Pesakit disahkan positif pada 27 Jun 2009 dan dimasukkan ke Hospital Tuanku Jaafar, Seremban dan telah diberikan rawatan antiviral. Empat(4) kontak di kalangan ahli keluarga dan pembantu rumah telah dikenalpasti, sedang dikuarantin, diberikan profilaksis antivirus dan dalam keadaan sihat.

5. Kes 117, seorang lelaki warga Malaysia berusia 30 tahun. Beliau telah tiba di LCCT, Sepang dari Melbourne pada 25 Jun 2009 jam 7.00 pagi, menaiki penerbangan Air Asia D7 2723 (tempat duduk 20A). Beliau mula menunjukkan gejala demam, batuk, sakit kepala dan otot pada 26 Jun 2009 dan telah mendapatkan rawatan di Hospital Tuanku Bahiyah, Alor Setar, Kedah dan terus dimasukkan ke wad. Pesakit disahkan positif pada 27 Jun 2009 dan telah mula diberikan rawatan antiviral. Dua(2) kontak di kalangan ahli keluarga telah dikenalpasti, sedang dikuarantin di rumah, diberikan profilaksis antivirus dan dalam keadaan sihat.
6. Kes 118, seorang lelaki warga Malaysia berusia 29 tahun. Beliau adalah saudara kepada kes 118 telah tiba di LCCT, Sepang dari Melbourne pada 25 Jun 2009 jam 7.00 pagi, dengan penerbangan Air Asia D7 2723 (tempat duduk 20B di sebelah kes 118 iaitu tempat duduk 20A). Beliau mula menunjukkan gejala demam, batuk, sakit tekak pada 26 Jun 2009 dan telah mendapatkan rawatan di Hospital Tuanku Bahiyah, Alor Setar, dan terus dimasukkan ke wad. Pesakit disahkan positif pada 27 Jun 2009 dan telah mula diberikan rawatan antiviral. Dua(2) kontak di kalangan ahli keluarga yang sama dengan kes 118.
7. Kes 119, seorang lelaki warga Malaysia berusia 25 tahun. Beliau telah tiba di KLIA dari Jakarta, Indonesia pada 24 Jun 2009 jam 5.00 petang, menaiki penerbangan Malaysia Airlines MH722 dan bertukar penerbangan Malaysia Airlines MH 1194 ke Pulau Pinang, tiba jam 10.00 malam dan kes terus balik ke rumah mereka. Beliau mula menunjukkan gejala demam dan sakit otot pada 25 Jun 2009 dan telah mendapatkan rawatan di Hospital Pulau Pinang pada 26 Jun 2009 dan terus dimasukkan ke wad. Pesakit disahkan positif pada 27 Jun 2009 dan telah mula

diberikan rawatan antiviral. Tiga(3) kontak di kalangan ahli keluarga telah dikenalpasti, sedang dikuarantin, diberikan profilaksis antivirus dan dalam keadaan sihat.

8. Kes 120, seorang wanita warga Malaysia berusia 32 tahun. Beliau adalah saudara kepada kes 95 dan 96 telah pergi bersama bercuti di London, Paris, Rome. Beliau tiba di KLIA dari London pada 22 Jun 2009 jam 6.00 petang, dengan penerbangan Malaysia MH001(tempat duduk 55E) dan tidak mempunyai gejala semasa tiba di Malaysia. Beliau tidak menunjukkan gejala tetapi ujian saringan telah dibuat oleh Hospital Tuanku Ampuan Rahimah, Kelang pada 26 Jun 2009 kerana menjadi kontak kepada kes 95 dan 96. Pesakit disahkan positif pada 27 Jun 2009 dan telah mula diberikan rawatan antiviral. Kontak di kalangan ahli keluarga telah dikenalpasti, sedang dikuarantin, diberikan profilaksis antivirus dan dalam keadaan sihat.
9. Kes 121, seorang kanak-kanak perempuan warga Indonesia berusia 6 tahun, melancung ke Malaysia bersama keluarganya. Beliau tiba di LCCT, Sepang dari Jakarta pada 26Jun 2009, dengan penerbangan Air Asia JT 282 (tempat duduk 17A). Beliau sudah bersimptom sebelum bertolak ke Malaysia, semasa ketibaan di LCCT, Sepang beliau telah diambil swab tekak dan diberi ubat profilaksis antiviral dan dibenarkan kuarantin di tempat kediaman. Pesakit disahkan positif pada jam 11.00 malam 27 Jun 2009. Pengesanan kes dan kontak sedang dibuat oleh JKWP Kuala Lumpur.
10. Kes 122, seorang kanak-kanak perempuan warga Indonesia berusia 11 tahun anggota keluarga yang sama dengan kes 121. Beliau tiba di LCCT, Sepang melalui penerbangan Air Asia JT 282

(tempat duduk 17F). Seperti adiknya, beliau juga mempunyai gejala demam, batuk semasa ketibaan, setelah swab tekak diambil, rawatan profilaksis diberikan dan dibenarkan kuarantin di tempat kediaman. Pesakit disahkan positif pada 27 Jun 2009. Pengesanan kes sedang dibuat oleh JKWP Kuala Lumpur untuk kes dimasukkan ke hospital.

11. Kes 123, seorang kanak-kanak lelaki warga Amerika berusia 8 tahun yang datang melancong ke Malaysia bersama keluarga. Beliau tiba di KLIA dari Amerika Syarikat, Filipina dan Singapura pada 26Jun 2009, dengan penerbangan Malaysia MH604 (tempat duduk 6D). Kes didapati mempunyai gejala demam, batuk semasa saringan di KLIA dan setelah diambil swab tekak rawatan profilaksis antiviral telah diberikan dan dibenarkan kuarantin di tempat kediaman. Pesakit disahkan positif pada jam 11.00malam 27 Jun 2009. Pengesanan kes sedang dibuat untuk rawatan di Hospital.
12. Kes 124, seorang kanak-kanak perempuan warga Amerika berusia 11 tahun kakak kepada kes 123. Beliau tiba di KLIA dari Amerika Syarikat, Filipina dan Singapura pada 26Jun 2009, melalui penerbangan Malaysia MH604 (tempat duduk 6D). Kes didapati mempunyai gejala demam, batuk semasa saringan di KLIA dan setelah diambil swab tekak rawatan profilaksis antiviral telah diberikan dan dibenarkan kuarantin di tempat kediaman. Pesakit disahkan positif pada jam 11.00 malam 27 Jun 2009. Pengesanan kes sedang dibuat untuk rawatan di hospital.

Jumlah pesakit influenza A(H1N1) yang masih dirawat di hospital adalah berjumlah 36 orang dan kesemua mereka telah menunjukkan respons yang baik kepada rawatan tanpa komplikasi. Jumlah pesakit mengikut hospital adalah Hospital Sungai Buloh (9 pesakit), Hospital Kuala Lumpur (4 pesakit), Hospital Pulau Pinang (3 pesakit), Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar (5 pesakit), Hospital Kulim (1 pesakit), Hospital Tuanku Jaafar, Seremban (4 pesakit), Hospital Umum Sarawak (2 pesakit), Hospital Queen Elizabeth, KK (2 pesakit), Hospital Sandakan (2 pesakit) dan Hospital Sultanah Aminah, Johor Baru (2 pesakit).

Jumlah pesakit influenza A(H1N1) yang telah sembuh rawatan setakat ini adalah berjumlah 88 orang dan mereka telah sembuh sepenuhnya dan telah didiscaj daripada hospital.

Jumlah kontak yang sedang menjalani kuarantin di rumah adalah berjumlah 628 orang dan semuanya sihat. Jumlah terkumpul kes yang disiasat kerana disyaki jangkitan influenza A(H1N1) adalah sebanyak 1,963 kes di mana, 124 kes telah disahkan positif influenza A(H1N1) manakala 53 kes masih menunggu keputusan.

Hanya satu(1) sekolah yang dikenakan tindakan kuarantin, iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Abdul Rahim 2, Kudat yang akan berakhir pada 29 Jun 2009 yang melibatkan 129 kontak sedang di kuarantin. Seorang daripada pelajar yang sedang di kuarantin telah menunjukkan simptom dan telah dimasukkan ke Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu. Yang lain tiada simptom termasuk 15 kontak di kalangan keluarga.

Sehubungan itu, semua ibubapa kepada pelajar-pelajar sekolah di atas diminta untuk terus memastikan anak-anak mereka berada di rumah dan tidak pergi ke tempat-tempat awam atau menghadiri kelas tuisyen atau kelas agama. Semasa *home-quarantine* 7 hari, mereka ini adalah diminta untuk mengamalkan 10 langkah bijak semasa dalam kuarantin dan sekiranya mengalami gejala demam dan tanda-tanda seperti batuk, sakit tekak dan selesema hendak segera mendapatkan rawatan di hospital.

Kementerian Kesihatan Malaysia meminta kerjasama daripada kesemua kontak terdiri dari penumpang termasuk krew penerbangan dari penerbangan yang terlibat dengan pengesanan kes positif influenza A(H1N1), terutama di 3 tempat duduk hadapan dan belakang kes-kes serta kiri dan kanan, supaya segera memaklumkan lokasi mereka untuk memudahkan pihak Kementerian Kesihatan membuat pemantauan. Sila maklumkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah yang terdekat, atau KKM melalui talian 03-88810200 atau 03-88810300 untuk membolehkan kami memberikan nasihat kesihatan termasuk keperluan *home quarantine*.

Pihak Kementerian Kesihatan meminta mereka ini untuk mengamalkan 'self quarantine' di rumah atau tempat kediaman masing-masing serta mengamalkan 10 langkah bijak dalam masa kuarantin seperti yang telah dipromosikan oleh Kementerian.

Merujuk kepada situasi global, Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) memaklumkan bahawa sehingga 28 Jun 2009, jam 8 pagi, jumlah terkumpul kes influenza A(H1N1) yang dilaporkan ke WHO adalah sebanyak 61,191 kes dengan 265 kematian daripada 112 negara, iaitu pertambahan 458 kes dan 1 kematian(Australia). Negara

yang melaporkan pertambahan kes tertinggi adalah Australia (158), Singapura (89), China (60), Hong Kong (33), New Zealand (54), Brunei DS (7), Vietnam (8), Macao (3) dan Malaysia (7).

Kepada pelajar Malaysia dan mereka yang baru kembali bercuti di luar negara yang terjejas dengan wabak influenza A(H1N1) adalah diminta untuk sentiasa mematuhi dan mengamalkan 10 langkah bijak dalam masa kuarantin. Mereka yang mula merasa kurang sihat atau ada tanda awal jangkitan seperti batuk dan demam hendaklah segera mendapatkan rawatan daripada doktor yang berdekatan dan mengurangkan pergaulan dengan rakan lain termasuk mengelakkan diri dari menghadiri kelas dan bekerja di pejabat. Langkah ini untuk mengelakkan penularan penyakit di sekolah dan di tempat kerja yang boleh melibatkan penularan jangkitan.

Kementerian Kesihatan menasihatkan orang ramai untuk menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak kecuali jika betul-betul tidak dapat dielakkan. Perjalanan ke luar negara yang dilanda wabak boleh meningkatkan risiko mendapat jangkitan Influenza A(H1N1), samada semasa berada di negara berkenaan atau pun semasa berada di dalam pesawat. Ini bukan sahaja akan menyebabkan anda jatuh sakit dan terpaksa dirawat di negara lain, tetapi anda dan keluarga anda akan dikuarantin jika terbabit dengan kes yang disahkan positif. Justeru itu, orang ramai digesa sekali lagi agar memberi kerjasama menangguhkan perjalanan ke negara-negara yang dilanda wabak Influenza A(H1N1) buat masa ini, kecuali bagi perjalanan yang perlu sahaja yang tidak boleh ditangguhkan.

Orang ramai juga turut dinasihatkan agar sentiasa mengikuti perkembangan situasi semasa penyakit ini dan mendapatkan maklumat

yang terkini dan tepat dari Kementerian Kesihatan melalui laman web Kementerian Kesihatan iaitu <http://www.moh.gov.my> dan pengumuman KKM melalui media dari semasa ke semasa.

Sekian dan terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. HAJI MOHD. ISMAIL MERICAN

Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

Tarikh: 28 Jun 2009